



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

JIL 51
BIL 13

18hb Jun 1998

TAMBAHAN No. 5
PERUNDANGAN

Pk. P.U. 9.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERUNTUKAN TEMPAT
LETAK KERETA) (MAJLIS DAERAH KERIAN) 1998

SUSUNAN PERENGGAN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Perenggan

1. Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.
2. Tafsiran.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN AM

3. Peruntukan tempat letak kereta.
4. Tidak dibenarkan meletak kereta kecuali di tempat letak kereta atau petak letak kereta.
5. Pematuhan syarat-syarat.
6. Caj ditetapkan hendaklah dibayar kepada atendan letak kereta.

22. (1) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di petak letak kereta bermeter di mana meter letak kereta adalah tidak berfungsi atau rosak hendaklah memberitahu atendan letak kereta mengenai hal itu.

Meter letak kereta yang rosak.

(2) Apabila hal itu disahkan sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (1), atendan letak kereta hendaklah—

(a) mengeluarkan resit rasmi yang padanya hendaklah dicatat—

- (i) nombor pendaftaran kenderaan motor itu;
- (ii) tarikh dan tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak yang sama kadarnya dengan amaun syiling yang dikatakan telah dimasukkan ke dalam meter letak kereta itu; dan
- (iii) menampalkan suatu salinan pendua resit itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor itu yang mudah dilihat.

(3) Atendan letak kereta hendaklah menampalkan pada mana-mana meter letak kereta yang tidak berfungsi atau rosak suatu notis bagi maksud itu atau menutup meter letak kereta itu dengan suatu penutup atau dengan apa-apa cara lain yang dia difikir patut.

BAHAGIAN VI

TEMPAT LETAK KERETA BAYAR DAN PERAGA

23. Suatu tempat letak kereta bayar dan peraga boleh dibahagi-bahagikan kepada petak-petak letak kereta, dan bagi sebilangan petak letak kereta itu sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis dengan satu meter letak kereta bayar dan peraga hendaklah disediakan.

Tempat letak kereta bayar dan peraga.

24. (1) Tiada seorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan motor di petak letak kereta tanpa membayar caj ditetapkan.

Tidak dibenarkan meletak kereta tanpa membayar caj ditetapkan.

(2) Sebelum suatu kenderaan motor diletakkan, pemandu atau pemunya kenderaan motor itu hendaklah membayar caj ditetapkan dengan memasukkan ke dalam meter letak kereta syiling atau meterkad sebagaimana yang ditunjukkan pada meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj ditetapkan bagi apa-apa tempoh kenderaan meter itu hendak diletakkan.

25. (1) Setelah menerima tiket letak kereta bayar dan peraga, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah mempamerkan tiket itu di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau di mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan pandangan atendan letak kereta tidak terhalang untuk menyemak tiket tersebut ketika kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta bayar dan peraga.

Mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga.

(2) Tiket letak kereta bayar dan peraga adalah sah digunakan di mana-mana petak letak kereta kecuali di tempat letak kereta bermusim dan tempat letak kereta terkawal jika tempat masa yang dinyatakan pada tiket tersebut masih belum tamat.

(3) Tiket letak kerta bayar dan peraga yang telah dipinda, diubah, dirosakkan atau dilipat hendaklah menjadi tak sah walaupun tempoh masa dan tarikh yang dinyatakan dalamnya itu masih belum tamat.

Kesalahan.

25(1)

Tidak dibenarkan meletak kereta selepas tamat tempoh letak kereta.

26. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang gagal mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga mengikut subperenggan 28(1) atau mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga yang telah tamat tempohnya adalah melakukan suatu kesalahan.

27. (1) Tiada seorang pun boleh membenarkan atau menyebabkan mana-mana kenderaan motor terus berada di petak letak kereta bayar dan peraga itu selepas tamat tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak sebagaimana yang ditunjukkan pada tiket letak kereta bayar dan peraga.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta hendaklah memperolehi tiket letak kereta bayar dan peraga yang baru dengan memasukkan syiling atau meterkad ke dalam meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj ditetapkan bagi apa-apa tempoh yang dikehendaki.

Meter letak kereta yang rosak.

28. (1) Mana-mana orang yang meletak kereta di petak letak kereta bermeter di mana meter letak kereta adalah tidak berfungsi atau rosak hendaklah memberitahu atendan letak kereta mengenai hal itu.

(2) Apabila hal itu disahkan sebagaimana yang disebut dalam subperenggan (1), pemandu atau pemunya kenderaan hendaklah mendapat tiket letak kereta bayar dan peraga daripada mana-mana meter letak kereta yang lain, dengan mematuhi peruntukan perenggan 27.

24

(3) Atendan letak kereta hendaklah menampalkan pada mana-mana meter letak kereta yang tidak berfungsi atau rosak suatu notis bagi maksud itu atau menutup meter letak kereta itu dengan suatu penutup atau dengan apa-apa cara lain yang dia difikir patut.

BAHAGIAN VII

TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

Pengeluaran kupon letak kereta.

29. Majlis atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Majlis boleh mengeluarkan kupon letak kereta setelah dibayar caj ditetapkan bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta berkupon.

30. Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta hendaklah mematuhi segala syarat yang dinyatakan pada kupon letak kereta.

Pematuhan syarat-syarat.

31. Mana-mana orang yang menggunakan kupon letak kereta boleh meletak kenderaan motornya di mana-mana petak letak kereta di tempat letak kereta berkupon kecuali di tempat letak kereta bermusim dan terkawal.

Penggunaan kupon letak kereta.

32. (1) Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang menggunakan kupon letak kereta hendaklah mempamerkan kupon itu di atas papan pemuka menghadap cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan bahawa pandangan atendan letak kereta tidak terhalang untuk menyemak kupon tersebut ketika kenderaan motor diletakkan di tempat letak kereta berkupon.

Mempamerkan kupon letak kereta.

(2) Jika lebih daripada satu kupon letak kereta diperlukan untuk digunakan di tempat letak kereta berkupon, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah mempamerkan ke semua kupon tersebut pada masa yang sama.

(3) Mana-mana kupon letak kereta yang telah digunakan mengikut tempoh masa yang diperlukan hendaklah menjadi tak sah jika ia dipinda, diubah, dirosakkan atau dilipat.

33. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang gagal mempamerkan kupon letak kereta mengikut perenggan 35 atau mempamerkan kupon letak kereta yang telah tamat tempoh adalah melakukan suatu kesalahan.

Kesalahan.

32

BAHAGIAN VIII

TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL

34. Suatu tempat letak kereta terkawal boleh dibahagi-bahagikan kepada petak-petak letak kereta sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Majlis.

Tempat letak kereta terkawal.

35. (1) Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di tempat letak kereta terkawal hendaklah mendapatkan tiket letak kereta yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket jenis automatik di pintu masuk tempat letak kereta itu dan padanya dinyatakan tarikh serta waktu masuk ke tempat letak kereta tersebut.

Syarat-syarat untuk meletak kereta.

(2) Setelah menerima tiket letak kereta, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah menyimpan tiket itu untuk diserahkan kembali kepada atendan letak kereta di pintu keluar di mana dia hendaklah membayar caj ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

Penalty kerana menghilangkan tiket letak kereta terkawal.

36. Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan bermotor yang telah kehilangan tiket letak kereta atau sekira ianya rosak hendaklah membayar caj maksimum sebanyak RM8.00 kepada atendan letak kereta.

Caj tambahan.

37. Jika mana-mana orang meletak kenderaan motor di tempat letak kereta terkawal melebihi tempoh masa yang ditentukan oleh Majlis, dia hendaklah membayar caj ditetapkan bagi tempoh selama mana kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta itu bersama dengan caj tambahan sejumlah RM10.00 sehari selama tempoh tersebut.

Keselamatan lain-lain kenderaan.

38. Tiada kenderaan motor boleh ditarik, dipandu atau ditolak dalam kawasan tempat letak kereta kecuali dengan cara yang teratur dan cermat dan dengan mengambil perhatian terhadap keselamatan lain-lain kenderaan motor dan orang di dalam kawasan tempat tersebut.

Penggantungan tempat letak kereta.

39. (1) Yang Dipertua boleh menggantung penggunaan mana-mana tempat atau petak letak kereta bila masa dia fikirkan penggantungan itu adalah perlu—

(a) bagi maksud memudahkan pergerakan lalulintas atau mewujudkan keselamatan lalulintas;

(b) bagi maksud menjalankan apa-apa kerja binaan, perobohan atau pengorekan yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta atau bagi penyenggaraan, pemajuan atau pembinaan semula tempat letak kereta atau pemasangan, pendirian, pengubahan atau pembaikan mana-mana betung atau mana-mana kabel, paip sesalur atau radas untuk membekalkan air atau elektrik atau mana-mana taliang telefon atau telegraf dalam tempat letak kereta itu atau berdampingan dengannya;

(c) untuk menyenangkan penghuni-penghuni premis yang berdampingan atau berdekatan dengan tempat letak kereta pada masa perkahwinan atau pengkebumian atau lain-lain peristiwa yang tertentu; atau

(d) kerana apa-apa sebab lain yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua.

BAHAGIAN XI

PELBAGAI

(2) Atas apa-apa penggantungan yang disebutkan terdahulu, mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Majlis hendaklah menamparkan suatu notis bagi maksud itu yang berhampiran atau di tempat letak kereta atau petak letak kereta, dan adalah menyalah undang-undang bagi mana-mana orang meletak apa-apa kenderaan motor di tmepat letak kereta atau petak letak kereta itu melainkan jika ia berhubungan bagi maksud yang mana penggantungan itu dibuat.

(3) Jika mana-mana orang memerlukan penggunaan mana-mana petak atau petak-petak letak kereta digantung bagi tujuan persendirian, suatu permohonan bagi penggantungan itu hendaklah dibuat kepada Yang Dipertua dengan menyatakan lokasi, nombor petak letak kereta dan tempoh penggantungan yang diperlukan dan orang itu hendaklah membayar kepada Majlis apa-apa amaun caj yang difikirkan patut oleh Yang Dipertua untuk tempoh penggantungan tersebut.

40. (1) Tiada seorang pun boleh menghalang atau menyebabkan terhalang mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta. Penghalangan
dan pengalihan.

(2) Mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Majlis, mana-mana atendan letak kereta atau mana-mana pegawai polis boleh mengalihkan atau menahan mana-mana kenderaan motor atau apa-apa kenderaan lain atau benda yang menyebabkan halangan tersebut.

(3) Yang Dipertua boleh mengarahkan supaya apa-apa benda yang dialih di bawah subperenggan (2) daripada jenis mudah musnah, supaya dilupuskan atau dijual dan apa-apa hasilnya, jika ada, bolehlah dituntut oleh tuanpunya benda tersebut selepas ditolak segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bagi pengalihan, pelupusan atau penjualan benda tersebut.

(4) Jika tiada tuntutan dibuat selepas tamat 1 bulan dari tarikh penjualan tersebut, hasil jualan itu hendaklah dikreditkan ke dalam pendapatan Majlis.

(5) Tuan punya kenderaan motor atau kenderaan atau benda yang tidak mudah musnah yang telah dialihkan dan ditahan di bawah subperenggan (2), boleh dalam masa 1 bulan dari tarikh pengalihan tersebut menuntut kenderaan motor atau kenderaan atau benda itu daripada Majlis setelah membayar kepada Majlis ke semua caj dan perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis bagi pengalihan dan penahanan itu.

(6) Jika tiada tuntutan dibuat berkenaan dengan pengalihan yang disebut dalam subperenggan (5), Yang Dipertua boleh mengarahkan supaya kenderaan motor, kenderaan atau benda itu dijual atau dilupuskan mengikut cara yang dia fikirkan sesuai dan segala hasil yang diperolehi daripadanya hendaklah dikreditkan ke dalam pendapatan Majlis.

40

Kenderaan
motor akan
dialih selepas
satu hari.

41. (1) Walau apa pun perenggan 43, jika kenderaan motor diletak dengan berterusan selama lebih daripada 1 hari di tempat atau petak letak kereta apabila tempoh letak kereta telah tamat, kenderaan motor itu hendaklah dialih oleh mana-mana atendan letak kereta, mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh Majlis atau mana-mana pegawai polis daripada tempat letak kereta atau petak letak kereta tersebut dan disimpan di bawah jagaan Majlis.

(2) Mana-mana kenderaan motor yang dialihkan di bawah subperenggan (1) boleh ditahan oleh Majlis sehingga caj-caj yang kena dibayar berkenaan dengan penggunaan tempat atau petak letak kereta sehingga masa kenderaan itu dialihkan dari tempat tersebut berserta dengan segala perbelanjaan yang ditanggung oleh Majlis dalam mengalih dan menahan kenderaan tersebut telah dibayar kepada Majlis.

Pengalihan dan
penahanan
kenderaan
motor.

42. (1) Mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor yang telah melakukan suatu kesalahan di bawah Perintah ini dan tidak mematuhi mana-mana syarat dikenakan oleh Majlis, kenderaan motor itu boleh dialihkan oleh mana-mana atendan letak kereta dan boleh ditahan di mana-mana tempat yang difikirkan sesuai oleh Yang Dipertua.

(2) Tiap-tiap kenderaan motor yang ditahan adalah di bawah risiko pemunya kenderaan motor tersebut.

Majlis tidak
bertanggungan
atas kehilangan
atau kerosakan.

43. Majlis atau mana-mana atendan letak kereta tidaklah bertanggungan atas apa-apa kerosakan atau kehilangan pada mana-mana kenderaan motor dalam penguatkuasaan Perintah ini.

Larangan
herdagang atau
berniaga.

44. Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana tempat atau petak letak kereta bagi maksud menjalankan apa-apa perdagangan atau perniagaan.

Larangan
membaiaki
kenderaan.

45. Tiada seorang pun boleh membaiaki mana-mana kenderaan motor atau membenarkan kenderaan motor dibaiaki di tempat letak kereta kecuali dalam hal di mana pembaiikannya adalah perlu untuk membolehkan kenderaan motor itu dialih daripada petak letak kereta itu.

Larangan
membasuh atau
mencuci.

46. Tiada seorang pun boleh mencuci atau membersihkan atau menyebabkan atau membenarkan dicuci atau dibersih mana-mana kenderaan motor di tempat atau petak letak kereta.

Larangan
menggunakan
tempat letak
melaikan
untuk meletak
kereta.

47. Tiada seorang pun boleh meletak atau mempamerkan apa-apa notis atau iklan pada mana-mana kenderaan motor untuk tujuan menjual kenderaan itu semasa kenderaan itu diletakkan di tempat atau petak letak kereta atau menggunakan kenderaan motor yang diletakkan di tempat atau petak letak kereta selain daripada tujuan meletak kereta.

48. Tiada seorang pun kecuali seseorang yang diberikuasa oleh Majlis boleh mengalih atau menyebabkan dialih apa-apa resit, tiket atau notis kompaun yang dikeluarkan oleh mana-mana atendan letak kereta atau mana-mana pegawai diberikuasa oleh Majlis yang ditampalkan pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat semasa ianya diletakkan di tempat atau petak letak kereta.

Pengalihan resit,
tiket atau
kompaun.

49. Tiada seorang pun boleh mengalih atau mengetuk, atau mengganggu atau mengusik perjalanan meter letak kereta atau cuba melakukan mana-mana daripada perbuatan sedemikian atau tanpa kuasa yang sempurna menampal atau cuba menampal apa-apa pelekat, iklan, notis, senarai, dokumen, papan atau benda pada, atau mengecat atau menulis atas, atau merosakkan atau selainnya menyalahgunakan mana-mana meter letak kereta.

Gangguan
terhadap meter
letak kereta.

50. Dalam keadaan kecemasan, mana-mana atendan letak kereta atau mana-mana pegawai polis beruniform boleh mengalih atau menyebabkan dialih ke mana-mana tempat yang dia difikirkan sesuai mana-mana kenderaan motor yang diletak di tempat letak kereta atau petak letak kereta.

Kecemasan.

51. Dalam hal pelanggaran terhadap atau kegagalan untuk mematuhi mana-mana peruntukan Perintah ini pemunya berdaftar kereta motor adalah dianggap sebagai telah melanggari atau gagal mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu jika orang (yang bukannya pemunya berdaftar) yang sebenarnya melanggari atau gagal mematuhi peruntukan atau peruntukan-peruntukan itu tidak diketahui atau tidak dijumpai.

Liabiliti
pemunya
berdaftar.

52. Yang Dipertua boleh mengikut budi bicaranya mengecualikan mana-mana orang dariapda membayar apa-apa caj yang ditetapkan dalam Jadual-Jadual.

Budi bicara
untuk
mengecualikan
caj.

53. (1) Apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Perintah ini boleh dikompaunkan oleh mana-mana pegawai Majlis yang diberikuasa oleh menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerajaan tempatan.

Kuasa untuk
mengkompaun.

(2) Jumlah wang yang dikutip bagi mengkompaun apa-apa kesalahan di bawah Perintah ini hendaklah tidak melebihi RM300.00.

(3) Tawaran untuk mengkompaun apa-apa kesalahan tersebut dan penerimaan tawaran hendaklah dibuat dalam Borang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Yang Dipertua Majlis.

Penalti. 54. Sesiapa yang tanpa alasan yang sah di sisi undang-undang melanggar mana-mana peruntukan Perintah ini adalah melakukan satu kesalahan dan boleh dihukum di bawah seksyen kecil 7 Seksyen 72 Akta dan sekiranya sabit kesalahan boleh didenda tidak lebih daripada tiga ratus ringgit.

Pemansuhan
Pk. PU. 23/96. 55. Perintah Lalulintas Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Kerian) 1996 adalah dimansuhkan.

JADUAL PERTAMA

(perenggan 3 dan 9)

(1) Bil.	(2) Tempat Letak Kereta	(3) Caj Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa Kawalan
1.	Jalan Teh Peh Kong, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Taiping hingga ke persimpangan Jalan Pasar termasuk lorong belakang)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
2.	Jalan Menteri, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Sungai hingga persimpangan Jalan Syarikat)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
3.	Jalan Sungai, Parit Buntar (Di antara persimpangan Lorong Syed Hamid hingga persimpangan Jalan Abdul Raof)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
4.	Jalan Syarikat, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Taiping hingga persimpangan Jalan Pasar)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
5.	Jalan Pasar, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Sungai hingga persimpangan Jalan Syarikat)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A

(1) Bil.	(2) Tempat Letak Kereta	(3) Caj Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa Kawalan
6.	Lorong Syed Hamid, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Teh Peh Kong hingga ke persimpangan Jalan Syarikat)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
7.	Jalan Dewan, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Taiping hingga ke persimpangan Jalan Pejabat termasuk kawasan lapang tempat letak kereta)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
8.	Jalan Ria, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Taiping hingga persimpangan Jalan Stesen)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
9.	Lorong Ria, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Ria hingga persimpangan Jalan Taiping termasuk lorong sisi/belakang)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
10.	Jalan Bahagia, Taman Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Taiping hingga persimpangan Lorong Satu, Taman Parit Buntar)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
11.	Jalan Sisi, Jalan Taiping, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Syarikat hingga persimpangan Jalan Abdul Rauf termasuk lorong sisi/belakang)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
12.	Jalan Taiping, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Syarikat hingga persimpangan Jalan Abdul Rauf termasuk kawasan lipung)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A

(1) Bil.	(2) Tempat Letak Kereta	(3) Caj Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa Kawalan
13.	Jalan Kelicap, Taman Pekan Baru, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Merbok hingga persimpangan Jalan Penkalia termasuk lorong sisi/belakang)	10 sen bagi setiap 15 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 30 minit letak kereta 40 sen bagi setiap 60 minit letak kereta (Maksima RM1.20 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
14.	Jalan Helang, Taman Pekan Baru, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Merbok hingga persimpangan Jalan Penkalia termasuk lorong sisi/belakang)	10 sen bagi setiap 15 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 30 minit letak kereta 40 sen bagi setiap 60 minit letak kereta (Maksima RM1.20 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
15.	Jalan Enggang, Taman Pekan Baru, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Merbok hingga persimpangan Jalan Penkalia termasuk lorong sisi/belakang)	10 sen bagi setiap 15 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 30 minit letak kereta 40 sen bagi setiap 60 minit letak kereta (Maksima RM1.20 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
16.	Jalan Serindit, Taman Pekan Baru, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Merbok hingga persimpangan Jalan Penkalia termasuk lorong sisi/belakang)	10 sen bagi setiap 15 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 30 minit letak kereta 40 sen bagi setiap 60 minit letak kereta (Maksima RM1.20 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
17.	Jalan Penkalia, Taman Pekan Baru, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Merbok hingga persimpangan Jalan Penkalia termasuk lorong sisi/belakang)	10 sen bagi setiap 15 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 30 minit letak kereta 40 sen bagi setiap 60 minit letak kereta (Maksima RM1.20 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
18.	Jalan Merbok, Taman Pekan Baru, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Merbok hingga persimpangan Jalan Penkalia termasuk lorong sisi/belakang)	10 sen bagi setiap 15 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 30 minit letak kereta 40 sen bagi setiap 60 minit letak kereta (Maksima RM1.20 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
19.	Jalan Perwira, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Shahbandar hingga persimpangan Lorong Sisi termasuk lorong belakang)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A

BAHAGIAN VI

TEMPAT LETAK KERETA BAYAR DAN PERAGA

23. Tempat letak kereta bayar dan peraga.
24. Tidak dibenarkan meletak kereta tanpa membayar caj ditetapkan.
25. Mempamerkan tiket letak kereta bayar dan peraga.
26. Kesalahan.
27. Tidak dibenarkan meletak kereta selepas tamat tempoh letak kereta.
28. Meter letak kereta yang rosak.

BAHAGIAN VII

TEMPAT LETAK KERETA BERKUPON

29. Pengeluaran kupon letak kereta.
30. Pematuhan syarat-syarat.
31. Penggunaan kupon letak kereta.
32. Mempamerkan kupon letak kereta.
33. Kesalahan.

BAHAGIAN VIII

TEMPAT LETAK KERETA TERKAWAL

34. Tempat letak kereta terkawal.
35. Syarat-syarat untuk meletak kereta.
36. Penalti kerana menghilangkan tiket letak kereta terkawal.
37. Caj tambahan.

BAHAGIAN IX

PELBAGAI

38. Keselamatan lain-lain kenderaan.
39. Penggantungan tempat atau petak kereta.
40. Penghalangan dan pengalihan.
41. Kenderaan motor dialih selepas satu hari.
42. Pengalihan dan penahanan kenderaan motor.

(1) Bil.	(2) Tempat Letak Kereta	(3) Caj Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa Kawalan
20.	Jalan Maharaja, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Perwira hingga persimpangan Jalan Shahbandar)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
21.	Medan Pasar, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Perwira 1 hingga persimpangan Jalan Maharaja)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
22.	Persiaran Perwira, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Perwira hingga persimpangan Jalan Maharaja)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
23.	Jalan Perwira 1, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Perwira hingga persimpangan Jalan Shahbandar)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
24.	Jalan Temenggong, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Shahbandar hingga persimpangan Jalan Maharaja)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
25.	Jalan Shahbandar 1, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Shahbandar hingga persimpangan Jalan Temenggong)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
26.	Persiaran Shahbandar, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Shahbandar hingga persimpangan Jalan Temenggong)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A

(1) Bil.	(2) Tempat Letak Kereta	(3) Caj Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa Kawalan
27.	Jalan Temenggong 1, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Temenggong 2 hingga persimpangan Jalan Temenggong)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
28.	Jalan Temenggong 2, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Temenggong 1 hingga persimpangan Jalan Temenggong)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
29.	Jalan Maharaja 1, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Maharaja hingga persimpangan Jalan Shahbandar)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
30.	Jalan Satria, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Maharaja 1 hingga persimpangan Jalan Perusahaan 1)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
31.	Jalan Bendahara, Pusat Bandar Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Maharaja hingga persimpangan Lorong Bendahara 5)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
32.	Jalan Keli, Taman Seri Tenggara, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Taiping hingga persimpangan Jalan Kurau termasuk lorong sisi/belakang)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
33.	Jalan Damai, Taman Damai, Parit Buntar (Di antara persimpangan Jalan Pari hingga persimpangan Jalan Bahagia)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A

(1)	(2) Tempat Letak Kereta	(3) Caj Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa Kawalan
Nota A	34. Jalan Besar, Bagan Serai (Sebelah Kanan) (Di antara persimpangan Jalan Siakap hingga persimpangan Lorong Keramat)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
Nota A	35. Jalan Besar, Bagan Serai (Sebelah Kiri) (Di antara persimpangan Jalan Selama hingga persimpangan Jalan Raja Syed Thaupy)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
Nota A	36. Jalan Harmoni, Pusat Bandar Bagan Serai (Di antara persimpangan Jalan Besar hingga persimpangan Jalan Mahkamah)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
Nota A	37. Jalan Setia, Pusat Bandar Bagan Serai (Di antara persimpangan Jalan Harmoni hingga persimpangan Jalan Mahkamah)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
Nota A	38. Lorong Setia, Pusat Bandar Bagan Serai (Di antara persimpangan Jalan Harmoni hingga persimpangan Jalan Mahkamah)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
Nota A	39. Jalan Bersatu, Pusat Bandar Bagan Serai (Di antara persimpangan Jalan Harmoni hingga persimpangan Jalan Muhibbah)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
Nota A	40. Jalan Pasar, Bagan Serai (Di antara persimpangan Jalan Besar hingga hujung persimpangan Jalan Berhampiran Sungai Serai)	10 sen bagi setiap 15 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 30 minit letak kereta 40 sen bagi setiap 60 minit letak kereta (Maksima RM1.20 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A

(1) Bil.	(2) Tempat Letak Kereta	(3) Caj Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa Kawalan
41.	Lorong Siakap 1, Bagan Serai (Di antara persimpangan Jalan Besar hingga persimpangan Lorong Siakap)	10 sen bagi setiap 10 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 20 minit letak kereta 50 sen bagi setiap 50 minit letak kereta (Maksima RM1.80 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
42.	Jalan Maharaja 1, Taman Bagan Serai (Di antara persimpangan Lorong Dahlia hingga persimpangan Jalan Maharaja)	10 sen bagi setiap 15 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 30 minit letak kereta 40 sen bagi setiap 60 minit letak kereta (Maksima RM1.20 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A
43.	Jalan Temenggong, Taman Bagan Serai (Di antara persimpangan Jalan Siakap hingga persimpangan Jalan Maharaja)	10 sen bagi setiap 15 minit letak kereta 20 sen bagi setiap 30 minit letak kereta 40 sen bagi setiap 60 minit letak kereta (Maksima RM1.20 bagi 3 jam atau 180 minit)	Tempat Letak Kereta Bermeter	Nota A

NOTA A

Di antara jam 7.00 pagi hingga 9.00 malam pada mana-mana hari termasuk hari Ahad dan hari kelepasan Am.

Yang Dipertua boleh meminda masa-masa terkawal yang ditetapkan di dalam ruangan (5) dan pindaan tersebut hendaklah dimaklumkan secara notis awam yang diletakkan ditempat atau berdekatan dengan tempat letak kereta tersebut.

JADUAL KEDUA

(perenggan 3, 9 dan 19)

(1) Bil.	(2) Tempat Letak Kereta	(3) Caj Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa Kawalan
1.	Mana-mana letak kereta di Jadual 1 yang dikelaskan dan ditetapkan oleh Majlis	RM80.00 sebulan	Tempat letak kereta ber- musim	Isnin hingga Ahad mulai jam 7.00 pagi hingga jam 12.00 mln. termasuk hari kelepasan am

(5)

Masa Kawalan

Nota A

JADUAL KEDUA (perenggan 3, 9 dan 38) 8 35				
	(2) Tempat Letak Kereta	(3) Caj Yang Ditetapkan	(4) Jenis Tempat Letak Kereta	(5) Masa Kawalan
1. Mana-mana premis yang dikelaskan dan ditetapkan oleh Majlis		60 sen tiap-tiap satu jam atau sebahagian daripadanya	Tempat Letak Kereta Terkawal	24 jam

Nota A

Bertarikh 13 Ogos 1997.

[MDK 44162 SJ. 1 P.U. Pk. 36/76.]

HAJI MAD ISA BIN RAMLI,

Yang Dipertua,

Majlis Daerah Kerian

Perak Darul Ridzuan

i termasuk

n di dalam
otis awam
a tersebut.

(5)

Kawalan

ga Ahad
7.00 pagi
12.00 mln.
ari kelepasan

Paku III

PAY AND DISPLAY PARKING PLACES

18. Iritan menghadiri kejadian/kejadian

19. Kompleks menghadiri kejadian

20. Lembaga beroperasi/tidak beroperasi

21. Offences

43. Majlis tidak bertanggungan atas kehilangan atau kerosakan.

44. Larangan berdagang atau berniaga.

45. Larangan membaiki kenderaan.

46. Larangan membasuh atau mencuci.

47. Larangan menggunakan tempat letak kereta melainkan untuk meletak kereta.

48. Pengalihan resit, tiket atau kompaun.

49. Gangguan terhadap meter letak kereta.

50. Kecemasan.

51. Liabiliti pemunya berdaftar.

52. Budi bicara untuk mengecualikan caj.

53. Kuasa untuk mengkompaun.

54. Penalti.

55. Pemansuhan.

16. JADUAL PERTAMA.

JADUAL KEDUA.

JADUAL KETIGA.

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

PERINTAH PENGANGKUTAN JALAN (PERUNTUKAN TEMPAT LETAK KERETA) (MAJLIS DAERAH KERIAN) 1998

PADA menjalankan kuasa yang diberi oleh Seksyen 72 Akta *Akta 333*. Pengangkutan Jalan 1987, Majlis Daerah Kerian dengan persetujuan Menteri membuat perintah yang berikut:

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. (1) Perintah ini boleh dinamakan **Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) (Majlis Daerah Kerian) 1998** dan hendaklah disifatkan sebagai telah mula berkuatkuasa pada 1 Julai 1998.

Nama, mula berkuatkuasa dan pemakaian.

(2) Perintah ini tidaklah terpakai bagi mana-mana ambulan, kereta bomba atau kenderaan rasmi angkatan tentera atau polis.

2. Dalam Perintah ini melainkan jika konteknya menghendaki *Tafsiran*, makna yang lain—

“atendan letak kereta” ertiannya mana-mana orang yang dilantik oleh Majlis bagi maksud Perintah ini dan termasuklah mana-mana anggota unit penguatkuasaan Majlis dan mana-mana orang yang diberikuasa oleh atau bagi pihak Majlis untuk menguruskan atau menyelia mana-mana tempat letak kereta dan untuk memungut caj ditetapkan;

“caj ditetapkan” ertiannya caj yang ditetapkan dalam Jadual-Jadual bagi pembayaran caj meletak kereta berhubungan dengan kenderaan motor yang diletak di petak letak kereta atau tempat letak kereta;

“jam” termasuklah sebahagian daripada satu jam;

“kenderaan motor” tidaklah termasuk mana-mana lori, bas, motosikal atau motor skuter;

“kupon letak kereta” ertiannya kupon atau kupon-kupon yang dikeluarkan oleh Majlis yang padanya dinyatakan caj ditetapkan, tempoh masa dan tarikh kenderaan motor dibenarkan diletak di mana-mana tempat letak kereta bermusim bagi sesuatu tempoh masa pada tarikh tersebut;

“letak kereta” termasuklah menunggu dalam sesuatu petak letak kereta;

“Majlis” ertiannya Majlis Daerah Kerian;

“meterkad” ertinya suatu kad yang dikeluarkan oleh Majlis atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Majlis kepada mana-mana orang yang membenarkan dia meletak kenderaan motor di mana-mana tempat letak kereta sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Majlis;

“meter letak kereta bayar dan peraga” ertinya meter letak kereta yang, apabila dimasukkan syiling atau meterkad ke dalam meter letak kereta dan dengan menekan atau memusing atau memetik mana-mana alat yang ditunjukkan pada meter itu akan mengeluarkan suatu tiket letak kereta bayar dan peraga;

“meter letak kereta jenis automatik” ertinya meter letak kereta yang berfungsi dengan memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta dan yang kemudiannya mekanisma di dalam meter letak kereta secara automatik akan menunjukkan tempoh masa kenderaan motor dibenarkan diletakkan mengikut nilai syiling yang dimasukkan dan termasuklah tiang besi, penyangga atau mana-mana topongan lain;

“meter letak kereta jenis manual” ertinya meter letak kereta yang berfungsi dengan memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta dan dengan memutarkan tombol atau menekan atau memetik mana-mana alat lain yang perlu diperlakukan sedemikian bagi membolehkan syiling diterima oleh meter tersebut yang akan menunjukkan tempoh masa kenderaan motor itu dibenar diletakkan mengikut nilai syiling yang dimasukkan dan termasuklah tiang besi, penyangga atau mana-mana topongan lain;

“petak letak kereta” ertinya suatu petak yang ditandakan dengan garisan bercat, tatahan, tanda atau lain-lain tanda di tempat letak kereta bagi meletak satu kenderaan motor;

“syiling” ertinya syiling atau syiling-syiling matawang Malaysia;

“tempat letak kereta bayar dan peraga” ertinya tempat letak kereta di mana meter letak kereta bayar dan peraga digunakan;

“tempat letak kereta bermeter” ertinya suatu tempat letak kereta di mana meter letak kereta jenis manual atau meter letak kereta jenis automatik digunakan;

tempat “tiket letak kereta bermusim” ertinya suatu tempat letak kereta yang dinyatakan dalam Jadual Kedua bagi meletak kenderaan motor secara bulanan dan petak letak kereta ditandakan dengan apa-apa cara yang boleh ditetapkan oleh Majlis yang baginya caj ditetapkan telah bayar;

"tempat letak kereta bertiket" ertinya tempat letak kereta di mana bayaran bagi caj ditetap adalah mengikut kiraan jam dan bagi setiap jam berikutnya kenderaan motor yang diletakkan di tempat letak kereta bertiket suatu tiket letak kereta akan dibenarkan oleh atendan letak kereta;

"tempat letak kereta terkawal" ertinya suatu tempat letak kereta bagi kenderaan motor di mana waktu masuk dan keluar dari tempat letak kereta tersebut dicatatkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket jenis automatik dan tempoh meletak kereta adalah dikira daripadanya;

"tiket letak kereta" berhubungan dengan tempat letak kereta bertiket ertinya tiket yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta yang padanya boleh dinyatakan nombor pendaftaran kenderaan motor, caj ditetapkan, tarikh dan tempoh masa kenderaan motor dibenarkan diletakkan; dan berhubungan dengan tempat letak kereta terkawal ertinya tiket yang dikeluarkan oleh atendan letak kereta atau mesin tiket jenis automatik yang tempoh meletak kereta adalah dikira daripadanya;

ber
"tiket letak kereta musim" ertinya tiket yang dikeluarkan oleh Majlis yang padanya dinyatakan nombor pendaftaran kenderaan motor, tempoh sah meletak kereta dan caj ditetapkan bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bermusim;

"tiket letak kereta bayar dan peraga" ertinya tiket yang padanya boleh dinyatakan tempoh masa, tarikh dan tempat bagi meletak kereta di tempat letak kereta bayar dan peraga;

"Yang Dipertua" ertinya Yang Dipertua Majlis Daerah Kerian termasuklah Setiausaha.

BAHAGIAN II

PERUNTUKAN AM

3. Tempat letak kereta yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual adalah diperuntukkan bagi penggunaan kenderaan motor dan hendaklah tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Perintah ini.

Peruntukan tempat letak kereta.

4. Tiada seorang pun boleh meletak atau menyebabkan atau membentarkan diletak mana-mana kenderaan motor atas mana-mana jalan melainkan di tempat dan petak letak kereta yang telah disediakan oleh Majlis.

Tidak dibenarkan meletak kereta kecuali di tempat dan petak letak kereta.

5. Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di tempat kereta hendaklah mematuhi apa-apa syarat yang dikenakan oleh Majlis bagi penggunaan tempat letak kereta tersebut.

Patuhan syarat-syarat.

Caj ditetapkan
hendaklah
dibayar kepada
atenden letak
kereta.

Cara meletak
kereta.

Tidak
dibenarkan
meletak kereta
tanpa membayar
caj ditetapkan.

Pengeluaran
meterkad.

Kesalahan
meletak apa-apa
kenderaan
selain daripada
kenderaan
motor.

Pematuhan
arahan atenden
letak kereta.

6. Tiada seorang pun melainkan atenden letak kereta boleh mengutip caj ditetapkan daripada mana-mana pemandu atau pemunya kenderaan motor bagi penggunaan tempat letak kereta.

7. (1) Mana-mana orang meletak kenderaan motor di petak letak kereta hendaklah meletak kenderaan motor mengikut cara yang berikut—

(a) kenderaan motor itu hendaklah dalam kedudukan yang ia dengan keseluruhannya berada di dalam petak letak kereta; dan

(b) kenderaan motor itu hendaklah diletakkan mengikut arah lalulintas dan hendaklah mematuhi semua isyarat lalulintas yang ditunjukkan di tempat letak kereta;

(2) Jika mana-mana kenderaan motor diletakkan di petak letak kereta melanggar subperenggan (1), mana-mana atenden letak kereta atau mana-mana pegawai polis yang beruniform boleh mengalih atau menyebabkan diubah kenderaan motor itu supaya kedudukannya mematuhi subperenggan (1) dan pemandu atau pemunya kenderaan motor itu hendaklah mematuhi apa-apa arahan yang sah disisi undang-undang atenden letak kereta atau pegawai polis tersebut.

8. Tiada seorang pun boleh meletak mana-mana kenderaan motor di tempat letak kereta atau petak letak kereta tanpa membayar caj ditetapkan dalam waktu terkawal yang dinyatakan dalam ruang (5) Jadual-Jadual.

9. Majlis atau mana-mana orang yang diberikuasa oleh Majlis boleh mengeluarkan meterkad setelah dibayar caj ditetapkan bagi meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bayar dan peraga atau mana-mana tempat letak kereta sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis.

10. Mana-mana orang yang meletak apa-apa kenderaan selain daripada motor kenderaan di mana-mana tempat letak kereta atau petak letak kereta yang dinyatakan dalam Jadual-Jadual adalah melakukan suatu kesalahan.

BAHAGIAN III

TEMPAT LETAK KERETA BERTIKET

11. Mana-mana orang yang meletak kenderaan motor di tempat letak kereta bertiket hendaklah mematuhi segala arahan yang diberikan kepadanya oleh mana-mana atenden letak kereta di tempat letak kereta tersebut.

12. (1) Sebaik sahaja kenderaan motor diletakkan, atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan suatu tiket letak kereta dan kemudiannya meletakkan tiket itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat dan pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah membayar caj ditetapkan dalam tempoh 14 hari dari tarikh tiket itu dikeluarkan.

Pembayaran caj ditetapkan.

(2) Jika kenderaan motor yang baginya tiket letak kereta telah dikeluarkan masih berada di petak letak kereta, atendan letak kereta hendaklah mengeluarkan tiket letak kereta bagi setiap jam berikutnya kenderaan motor itu diletakkan di petak letak kereta tersebut.

13. Mana-mana orang yang gagal membayar caj ditetapkan selepas pengeluaran tiket letak kereta yang disebutkan dalam subperenggan 13(1), hendaklah, apabila diberitahu secara bertulis mengenai kegagalannya berbuat demikian, dalam tempoh 14 hari membayar kepada Majlis caj tambahan sebanyak RM4.00 bagi setiap jam selama mana kenderaan motor itu diletak di petak letak kereta bertiket.

14. Mana-mana orang yang melanggar perenggan 14 dalam masa yang dinyatakan sebagaimana yang dikehendaki di bawah perenggan tersebut adalah melakukan suatu kesalahan.

Penalti kerana tidak membayar caj tambahan.

15. Mana-mana orang yang setelah dialihkan kenderaan motornya dari suatu petak letak kereta hendaklah dibenarkan melatak kenderaan motor itu di petak meletak kereta yang sama bagi kali keduanya jika tiket asalnya masih belum tamat tempohnya dan dia hendaklah meletak tiket letak kereta itu pada cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat.

Meletak kereta kali kedua atas tiket asal.

BAHAGIAN IV

TEMPAT LETAK KERETA BERMUSIM

16. (1) Tiada seorang pun boleh meletak atau menyebabkan atau membenarkan diletakkan mana-mana kenderaan motor di tempat atau petak letak kereta bermusim tanpa tiket letak kereta bermusim atau terus meletak atau menyebabkan atau membenarkan terus diletak mana-mana kenderaan motor setelah tamat tempoh selama mana kenderaan motor itu dibenarkan diletak.

Tidak dibenarkan meletak kereta tanpa tiket letak kereta bermusim.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

Tiket letak kereta bermusim.

17. (1) Suatu tiket letak kereta bermusim boleh diperolehi setelah dibayar caj ditetapkan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dan hendaklah tertakluk kepada apa-apa syarat yang boleh dikenakan oleh Majlis.

Mempamerkan tiket letak kereta bermusim.

(2) Suatu tiket letak kereta bermusim bolehlah dibatal oleh Majlis, pada bila-bila masa, tanpa memberi apa-apa sebab.

Mempamerkan tiket letak kereta bermusim.

18. Tiket letak kereta bermusim hendaklah dipamerkan pada setiap masa di cermin hadapan atau mana-mana bahagian kenderaan motor yang mudah dilihat bagi memastikan pandangan atendan letak kereta tidak terhalang untuk menyemak tiket tersebut ketika kenderaan motor itu diletakkan di tempat letak kereta bermusim.

BAHAGIAN V

TEMPAT LETAK KERETA BERMETER

Tempat letak kereta bermeter.

19. Suatu tempat letak kereta bermeter adalah dibahagi-bahagikan kepada petak-petak letak kereta dan tiap-tiap satu petak disediakan dengan suatu meter letak kereta jenis manual atau meter letak kereta jenis automatik.

Tidak dibenarkan meletak kereta tanpa membayar caj ditetapkan.

20. (1) Tiada seorang pun boleh meletak apa-apa kenderaan motor di tempat letak kereta bermeter tanpa membayar caj ditetapkan.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subperenggan (1) adalah melakukan suatu kesalahan.

(3) Sebaik sahaja kenderaan motor diletakkan di petak letak kereta, pemandu atau pemunya kenderaan motor hendaklah membayar caj ditetapkan dengan memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta sebagaimana yang ditunjukkan pada meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj ditetapkan bagi apa-apa tempoh kenderaan meter itu hendak diletakkan.

Tidak dibenarkan meletak kereta selepas habis tempoh letak kereta.

21. (1) Tiada seorangpun boleh membenarkan atau menyebabkan mana-mana kenderaan motor itu terus berada di petak letak kereta bermeter selepas habis tempoh masa kenderaan motor itu dibenarkan diletak sebagaimana ditunjukkan pada meter tersebut.

(2) Mana-mana orang yang ingin melanjutkan tempoh letak kereta hendaklah, sebelum atau sebaik sahaja apabila habis tempoh letak kereta terdahulu, memasukkan syiling ke dalam meter letak kereta yang sama nilainya dengan amaun caj ditetapkan bagi apa-apa tempoh lanjutan yang dikehendakinya sehingga tempoh maksimum yang dibenarkan pada sesuatu masa.